

Persepsi Pelajar Terhadap Faktor yang Mempengaruhi Pembangunan Tesis Secara Mod *Online* Dalam Era Pandemik

Suhana Mohamed Lip, Suziana Hanini Sulaiman, Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Hj Ishak, Shazarina Zdainal Abidin, Norshilawani Shahidan, Natasha Ariffin
suhana@kuis.edu.my

Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Abstrak

Pandemik Covid-19 telah memberi impak yang besar kepada struktur pendidikan seluruh dunia yang menyebabkan peralihan dari pendekatan pendidikan konvensional kepada pendidikan maya atau digital. Institusi pengajian tinggi juga antara yang terkesan dengan cabaran pandemik ini. Hampir keseluruhan operasi pusat pengajian tinggi di seluruh negara ditutup disebabkan oleh peningkatan kes pandemik secara keseluruhan. Institusi pengajian tinggi di Malaysia juga mengambil langkah drastik dengan arahan penutupan operasi dan penawaran pengajian secara online atau maya sehingga 31 Disember 2020 (Pekeliling KPT, 2020). Walaupun langkah yang diambil oleh pusat pengajian tinggi dalam menangani era pandemik ini adalah satu penyelesaian yang relevan, namun pihak universiti juga perlu menilai keberkesanan pendekatan pengajaran dan pembelajaran secara mod online terutama yang melibatkan pelajar program prasiswazah yang sedang dalam fasa pembangunan penulisan ilmiah atau tesis yang memerlukan bimbingan dan panduan teliti dari penyelia. Muhammad dan Saba Muner (2020) mendapati antara cabaran dan isu terbesar dalam penyeliaan tesis secara online adalah interaksi, sikap, persepsi dan komuniti virtual antara pelajar dan penyelia. Selain itu faktor seperti pengurusan masa, pengetahuan dan kemahiran pelajar berkaitan bidang dan penyelidikan, kemahiran teknologi serta faktor motivasi juga adalah antara kunci kejayaan kepada pencapaian pelajar dalam pembangunan dan penulisan tesis. Hasil dapatan kajian menunjukkan pengaruh utama kepada pembangunan tesis adalah faktor pengaruh penyelia dan penyeliaan. Ini menekankan fungsi dan peranan penyelia dalam membantu pelajar yang perlu diperkasakan dalam penambahbaikan pelaksanaan kursus latihan ilmiah serta perkhidmatan pendidikan secara keseluruhan sebagai keperluan penyampaian kursus di era pandemik ini.

Kata kunci: Penyelia, Faktor pengaruh, Pembangunan Tesis, Mod Online

1.0 PENGENALAN

Era pandemik Covid19 yang bermula dari penghujung tahun 2019 telah memperlihatkan dan mengakibatkan perubahan drastik kepada banyak sektor dalam negara dan global. Perubahan ini bukan sahaja melibatkan pelbagai sektor *vital* dalam pembangunan negara, malah ia memberi kesan kepada kehidupan seharian setiap individu yang disebut sebagai normal baharu atau *new normal* (World Health Organization, 2020). Perkembangan semasa pandemik ini serta keperluan normal baharu telah menyebabkan sektor seperti sektor pendidikan mengambil langkah berjaga-jaga dengan inisiatif penutupan premis dan institusi pendidikan dan beralih kepada pengajaran dan pembelajaran *online* di peringkat sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia serta di peringkat institusi pengajian tinggi di bawah Kementerian

Pengajian Tinggi. Pekeliling Kementerian Pengajian Tinggi telah dikeluarkan bagi mengarahkan semua institusi pengajian tinggi melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran secara *online* sehingga 31 Disember 2020(KPT, 2020).

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor juga telah mengambil inisiatif melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara *online* bermula dari bulan Julai 2020 bagi kemasukan sesi I 2021. Ini termasuk *kohort* pelajar yang sedang membangunkan tesis bagi program Sarjana Muda di KUIS. Bagi Fakulti Pendidikan KUIS, pelajar yang terlibat dengan pembangunan tesis secara *online* ini adalah pelajar semester 6 dan 7 bagi dua program pengajian yang mengambil kursus Ilmiah I dan II iaitu penulisan tesis sebagai satu keperluan bagi melengkapkan kursus pengajian sebelum dibenarkan menjalani praktikum di semester 8. Menurut Murray (2011), penulisan tesis merupakan projek terbesar bagi hampir keseluruhan pelajar kerana ia memerlukan lebih pembelajaran akses sendiri dan komitmen pelajar secara keseluruhan. Pelajar perlu bersedia dari segi fizikal, mental dan emosi sepanjang proses atau fasa dalam membangunkan dan melengkapkan tesis secara individu. Selain itu, pelajar juga memerlukan sistem sokongan bagi membantu pembangunan tesis yang berkesan dan cemerlang. Ini kerana tesis juga dianggap sebagai satu penulisan ilmiah yang menampilkan kedalaman ilmu bidang pengkhususan bagi penganugerahan kepujian bagi satu-satu program. Hart (2005) menyatakan bahawa penulisan tesis merupakan satu penyelidikan yang perlu dilengkapkan sebagai sebahagian daripada keperluan program sarjana muda atau sarjana. Oleh yang demikian, institusi perlu memastikan pelajar dapat melengkapkan tesis dengan berkesan bagi memastikan kecemerlangan pencapaian pelajar serta keberkesanan program pengajian terutama dalam perubahan mod pengajaran dan pembelajaran semasa yang lebih kepada mod *online* dan *digital*.

Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti faktor yang mempengaruhi pembangunan tesis pelajar secara mod *online* dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Tesl dengan Multimedia , Fakulti Pendidikan KUIS. Dapatan dari kajian ini diharapkan berupaya menjadi indikator penambahbaikan kepada penyampaian dan pencapaian kursus penulisan ilmiah, terutamanya dalam memastikan penghasilan tesis berkualiti dalam kalangan pelajar.

1.1 LATAR BELAKANG DAN PEMASALAHAN KAJIAN

Penulisan tesis merupakan satu penyelidikan yang mengutarakan cadangan proposal dan melibatkan teori-teori atau kajian-kajian lepas serta klasifikasi data autentik atau baru (Owens, 2009). Ia melibatkan satu proses yang sistematik yang memerlukan kajian kepustakaan yang luas dan penggunaan kaedah yang saintifik bagi mendapatkan data yang empirikal tentang sesuatu skop yang hendak dikaji. Oleh yang demikian, pelajar perlu diperlengkapkan dengan pengetahuan yang mendalam tentang ilmu bidang serta kemahiran khusus berkaitan dengan penyelidikan. Ini bertepatan dengan pendapat Tiwari(2019) yang menyatakan bahawa penulisan tesis perlu dilaksanakan secara tepat dan sistematik supaya ia berupaya mempamerkan pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai pelajar(Tiwari, 2019). Namun begitu, menurut Wang dan Yang (2008) kebanyakan pelajar menghadapi kesukaran dengan ilmu teoretikal dan organisasi logikal semasa menjalankan kajian, yang mana mereka tidak dapat menganalisis dan mensintesis kajian kepustakaan berkaitan penyelidikan mereka sendiri

Manakala Paltridge and Starfield (2007) pula mengatakan bahawa penulisan tesis adalah sangat mencabar bagi pelajar terutama bagi pelajar yang bahasa ibunda bukan Bahasa Inggeris atau dalam Bahasa kedua yang lain. Pelajar yang menulis tesis dalam bahasa kedua bukan sahaja perlu kompeten dalam pengetahuan khusus berkaitan skop kajian serta kaedah penyelidikan, mereka juga perlu mahir dalam kemahiran medium bahasa yang digunakan. Ini kerana olahan dan struktur bahasa memberi impak kepada maksud dan keberkesanan keseluruhan penyampaian penulisan.

Selain itu, Costa (2018) mendapati kebanyakan pelajar di institusi pengajian tinggi secara umumnya menghadapi kesukaran melengkapkan tesis dalam masa yang ditetapkan. Ini kerana kebanyakan dari mereka kurang jelas berkaitan skop kajian serta kurang mahir berkaitan metodologi penyelidikan yang perlu dilaksanakan. Ini menyebabkan proses pembangunan tesis tergendala dan pelajar menjadi kurang bermotivasi untuk meneruskan penulisan. Selain itu, pelajar-pelajar ini juga cenderung untuk gagal dalam kursus penulisan tesis ini dan tidak dapat bergraduasi dalam masa yang ditetapkan melainkan dengan bimbingan dan sokongan penyelia dan fakulti.

Tiwari (2019) dalam kajiannya mendapati kebanyakan pelajar sarjana menghadapi kesukaran untuk membangunkan tesis mereka disebabkan oleh masalah komunikasi dengan penyelia. Dapatan ini menunjukkan peranan penting penyelia kepada pembangunan tesis pelajar. Ini bermakna penyelia perlu memainkan peranan dengan berkesan bagi membantu dan memberikan motivasi kepada pelajar dalam melaksanakan kajian dan membangunkan tesis yang berkualiti. Selain itu, komunikasi yang berkesan antara penyelia dan pelajar sepanjang proses pembangunan tesis juga perlu bagi membantu pelajar melengkapkan tesis dengan lebih berkesan.

Dapatan kajian Tiwari (2019) juga menunjukkan pelajar yang gagal membangunkan tesis mereka adalah disebabkan oleh pemahaman pelajar serta kegagalan berhubung dan berjumpa dengan penyelia. Keadaan ini juga berlaku dalam kalangan pelajar Sarjana Muda TESL dengan Multimedia dalam pelaporan pelajar gagal dan bermasalah bagi kursus Latihan Ilmiah I dan II di Fakulti Pendidikan yang antaranya disebabkan oleh pengetahuan dan kemahiran pelajar sendiri, komitmen pelajar terhadap pengurusan tugas dan masa serta kegagalan komunikasi dengan penyelia. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti pengaruh utama kepada pembangunan tesis pelajar yang berupaya menjadi indikator kepada penambahbaikan kursus, program dan pencapaian pelajar secara keseluruhan.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

- a) Menenalpasti faktor utama yang mempengaruhi pembangunan tesis pelajar.
- b) Menentukan persepsi pelajar terhadap impak mod online terhadap prestasi pembangunan tesis berbanding mod secara bersemuka.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian berbentuk Deskriptif melalui kaedah tinjauan digunakan berdasarkan kepada dapatan kajian lepas berkaitan faktor pengaruh kepada penulisan tesis bagi menghurai aspek input dalam kajian ini. Manakala sampel kajian adalah terdiri daripada 39 pelajar program Sarjana Muda TESL dengan Multimedia yang telah mengambil kursus Latihan Ilmiah I dan Latihan Ilmiah II pada sesi I 2020/2021 di Fakulti Pendidikan KUIS. Pengkaji melibatkan semua pelajar yang mengikuti kursus Latihan Ilmiah I dan dua bagi program Sarjana Muda TESL yang berada di semester 6 dan semester 7 pengajian dengan mengambil kira pandangan Gay & Airasian (2003) yang menyatakan bahawa bagi populasi kecil, pengumpulan data perlu diambil daripada keseluruhan populasi. Teknik persampelan bersifat bertujuan (*purposive sampling*) digunakan dalam kajian ini. Persampelan bertujuan (*purposive sampling*) adalah bagi pemilihan kelompok responden yang mewakili populasi yang dikaji dikenalpasti dan kesemua individu dalam kelompok tersebut dikira sebagai sampel (Noraini Idris, 2010; Richey & Klein, 2007; Sabitha Marican, 2005).

Instrumen bagi kajian ini adalah satu set soal selidik yang mempunyai lima konstruk persepsi pelajar terhadap faktor yang mempengaruhi pembangunan tesis secara mod *online*. Responden kajian ini dikehendaki untuk menyatakan tahap persetujuan mereka berdasarkan

skala likert 1 hingga 5 iaitu skala 1 Sangat Tidak Setuju, Skala 2 Tidak Setuju, Skala 3 Sederhana Setuju, Skala 4 Setuju, Skala 5 Sangat Setuju.

Kajian ini dilakukan secara *online* menggunakan *google form* disebabkan pelajar sedang mengikuti secara online dan berada di rumah masing-masing disebabkan oleh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan di dalam negara disebabkan oleh keadaan semasa pandemic Covid 19. Pemilihan program pelajar dan institusi adalah relevan bagi penambahbaikan kursus dan program yang dilaksanakan di fakulti yang terlibat.

Data-data dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 26.0 bagi mendapatkan skor min, peratus dan sishan piawai berkaitan persepsi pelajar terhadap faktor yang mempengaruhi pembangunan tesis pelajar yang dilaksanakan secara *online*. Untuk menjawab persoalan kajian, pengkaji mengguna pakai interpretasi min yang dicadangkan oleh Jamil (2002). Bagi setiap dapatan kepada faktor pengaruh pembangunan tesis dikategorikan mengikut persepsi responden iaitu kategori tinggi (min 3.67 hingga 5.00), sederhana (min 2.34 hingga 3.66), sederhana dan rendah (min 1.00 hingga 2.33). Interpretasi min seperti dalam Jadual 1

Jadual 2.1 : Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interprestasi
3.67 hingga 5.00	Tinggi
2.34 hingga 3.66	Sederhana
1.00 hingga 2.33	Rendah

Sumber : Jamil (2002)

3.0 DAPATAN KAJIAN & PERBINCANGAN

3.1 PROFIL LATAR BELAKANG RESPONDEN KAJIAN

Kajian dijalankan terhadap 39 orang pelajar program Sarjana Muda TESL dengan Multimedia, Fakulti Pendidikan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor yang mengambil kursus Latihan Ilmiah I dan Latihan Ilmiah II bagi sesi I 2020/2021. Demografi kajian ditunjukkan dalam jadual berikut;

Jadual 3.1: Jantina Responden

Jantina			
Perkara	Kekerapan	Peratus	
Perempuan	33	84.6	
Lelaki	6	15.4	
Jumlah	39	100.0	

Responden kajian adalah dalam kalangan pelajar lelaki seramai 06 orang yang mewakili 15.4 peratus dari keseluruhan responden. Manakala majoriti responden adalah dalam kalangan pelajar perempuan berjumlah 33 orang bersamaan 84.6 peratus.

Jadual 3.2 : Subjek / Kursus Pelajar

Subjek/Kursus			
Perkara	Kekerapan	Peratus	
Academic writing 2	11	28.2	

	Academic writing I	28	71.8
	Jumlah	39	100.0

Jadual 3.2 menunjukkan dapatan kajian berkaitan subjek atau kursus yang diambil pelajar semasa sesi I 2020/2021 di Fakulti Pendidikan, KUIS. Jumlah responden yang mengambil Latihan Ilmiah I atau Academic Writing I adalah seramai 28 orang atau mewakili 71.8% dari keseluruhan responden. Manakala jumlah pelajar yang mengambil Latihan Ilmiah II atau Academic Writing 2 adalah seramai 11 orang yang mewakili sebanyak 28.2 peratus.

Jadual 3.3 : Pencapaian CGPA Pelajar

CGPA			
Perkara		Kekerapan	Peratus
	2.00-2.50	4	10.3
	2.51-3.00	5	12.8
	3.01-3.50	11	28.2
	3.51-4.00	19	48.7
	Jumlah	39	100.0

Jadual 3.3 adalah berkaitan pencapaian CGPA pelajar yang menunjukkan seramai 04 orang atau 10.3 peratus mempunyai CGPA 2.00 hingga 2.50. Manakala 12.8 peratus responden mencapai CGPA 2.51 hingga 3.00 dan 28.2 peratus mempunyai 3.01 hingga 3.50 CGPA. Majoriti responden pula adalah dalam kalangan pelajar yang mencapai 3.51 hingga 4.00 CGPA iaitu seramai 19 orang atau 48.7%.

Jadual 3.4 : Lokasi Tempat Tinggal Pelajar Semasa Semester

Lokasi Tempat Tinggal Pelajar Semasa Semester			
Perkara		Kekerapan	Peratus
	Selangor	30	76.9
	KL	1	2.6
	Perak	1	2.6
	Johor	2	5.1
	Terengganu	1	2.6
	Kelantan	1	2.6
	Putrajaya	1	2.6
	Sabah	2	5.1
	Jumlah	39	100.0

Merujuk kepada Jadual 3.4 menunjukkan lokasi tempat tinggal pelajar semasa semester berjalan di mana majoriti pelajar iaitu seramai 30 orang atau 76.9 peratus berada di Selangor. Manakala di negeri-negeri lain hanya merangkumi 1 hingga 2 pelajar sahaja atau 2.6 hingga 5.1 peratus.

3.2 PERSEPSI PELAJAR TERHADAP FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PEMBANGUNAN TESIS SECARA MOD *ONLINE*.

Beberapa faktor pengaruh utama telah dikenalpasti dalam pembangunan tesis pelajar yang berjalan secara *online* iaitu berkaitan motivasi, kemahiran dan pengetahuan, pengurusan masa, penyelia dan penyeliaan serta teknologi dan *online*.

Jadual 3.5: Faktor Pengaruh kepada Pembangunan Tesis

Faktor Yang Mempengaruhi Pembangunan Tesis Secara Mod <i>Online</i>		
Jenis Faktor	Min	Interpretasi Min
	Motivasi	3.69
Kemahiran & pengetahuan	3.72	Tinggi
Pengurusan masa	3.56	Sederhana
Penyelia & Penyeliaan	4.24	Tinggi
Teknologi & Online	3.52	Sederhana
Keseluruhan Min	3.75	TINGGI

Jadual 3.5 menunjukkan lima faktor pengaruh kepada pembangunan tesis pelajar yang dilaksanakan secara mod *online*. Item dengan skor min tertinggi ialah faktor penyelia dan penyeliaan dengan skor min 4.24. Manakala nilai min yang agak tinggi yang lain adalah skor min 3.69 iaitu faktor motivasi dan skor min 3.72 bagi faktor kemahiran dan pengetahuan pelajar. Manakala item-item di tahap interperitasi sederhana merangkumi faktor pengurusan masa dengan min 3.56 dan faktor teknologi dan online dengan skor terendah iaitu skor min 3.52. Secara keseluruhannya, lima faktor pengaruh kepada pembangunan tesis pelajar secara mod *online* ini menunjukkan pencapaian skor min keseluruhan yang agak tinggi dengan skor min 3.75.

3.3 PERSEPSI PELAJAR TERHADAP IMPAK PELAKSANAAN MOD ONLINE BAGI PEMBANGUNAN TESIS SECARA KESELURUHAN.

Dapatan data kajian ini adalah bagi melihat persepsi pelajar TESL berkaitan impak mode *online* terhadap prestasi pembangunan tesis secara keseluruhan.

Jadual 3.6 : Impak Mod Online kepada Pembangunan Tesis Pelajar

Impak Mod Online					
Item	N		Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
	Valid	Missing			
O20. Saya berupaya melengkapkan tesis dengan lebih baik jika saya berada di kampus secara bersemuka berbanding secara online	39	0	3.67	1.243	Sederhana

Berdasarkan Jadual 3.6, item berkaitan persepsi pelajar terhadap pembangunan tesis yang boleh dilengkapi dengan lebih baik jika dilaksanakan di kampus menunjukkan pencapaian min yang sederhana dengan skor min 3.67. Ini menunjukkan pembangunan tesis secara mod *online* memberikan kesan yang sederhana kepada prestasi pelajar secara keseluruhan.

4.0 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Dapatan kajian jelas menunjukkan min tetringgi adalah berkaitan item pengaruh penyelia dan penyeliaan dengan skor min 4.24. Ini bermakna pelajar memerlukan bimbingan yang teliti dari penyelia dalam menghasilkan tesis yang baik (Tiwari, 2019). Oleh yang demikian penyelia perlu memainkan peranan lebih berkesan dalam membantu dan membimbing pelajar bagi melengkapkan kajian mereka dengan mengeksplorasi pelbagai pendekatan berkesan secara *online* atau *offline*. Hasil dari bimbingan penyelia ini diharapkan dapat membantu pelajar membangun, melaksanakan kajian dan melengkapkan tesis dengan lebih strategik dan berkesan. Selain itu, faktor kedua yang mempengaruhi pembangunan tesis pelajar adalah berkaitan dengan kemahiran dan pengetahuan pelajar sendiri dalam membangunkan penulisan tesis mereka seperti dapatan Wang dan Yang (2008). Ini bermakna pelajar perlu dilengkapi dengan kursus berkaitan metodologi penyelidikan yang cukup bagi membantu mereka menghubungkan antara teori dan praktikal, objektif dan permasalahan kajian, kaedah dan instrument kajian serta dapatan dan analisis kajian secara keseluruhan.

Dapatan dari kajian ini juga mendapati mod *online* dalam pembangunan tesis memberi impak yang sederhana kepada prestasi pelajar dalam pembangunan tesis. Ini mungkin disebabkan oleh penggunaan teknologi yang telah menjadi kebiasaan bagi kebanyakan pelajar yang secara umumnya dalam kalangan generasi *millineals*. Menurut Dean et al (2010), generasi *millennials* adalah golongan yang bergantung kepada teknologi lebih awal dari generasi lain. Ini menjadikan generasi ini lebih mahir dan berintegrasi dalam penggunaan teknologi dalam kehidupan (Kaifi et al., 2012). Selain itu, dapatan ini juga boleh dikaitkan dengan pengaruh teknologi dan *online* yang juga mendapat skor min sederhana. Dapatan ini menunjukkan pelajar kurang menghadapi masalah dari segi pelaksanaan pembelajaran, akses teknologi dan pencarian sumber secara online. Selain itu, ia juga berkemungkinan disebabkan oleh demografi pelajar yang majoritinya berada di negeri Selangor yang mempunyai akses jalur lebar, capaian internet dan capaian komputer yang meluas mengikut statistik Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2019).

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan penekanan kepada peranan penyelia sebagai pengaruh utama dalam pembangunan tesis pelajar. Selain itu, hasil dapatan kajian ini juga memberi indikator bahawa mod *online* bagi pembangunan tesis memberikan impak yang sederhana kepada prestasi pelajar secara keseluruhan. Untuk perkembangan skop yang akan datang adalah dicadangkan untuk memberikan fokus kepada ciri-ciri penyelia dan penyeliaan yang berkesan dalam membantu pelajar membangunkan tesis serta skop fokus kepada cabaran penyelia dalam penyeliaan. Ini adalah bagi memastikan pemantapan keseluruhan kursus penulisan ilmiah serta pemerkasaan fungsi penyelia secara lebih berkesan.

5.0 BIBLIOGRAFI

- Costa, K. (2018), "A systematic review of challenges in research supervision at South African universities", Preprints, 2018120305, doi: 10.20944/preprints201812.0305.v1.
- Deal, J., Altman, D., & Rogelberg, S. (2010). Millennials at work: what we know and what we need to do (if anything). *Journal of Business & Psychology*, 25(2), 191-199.
- Jamil Ahmad. 2002. Pemupukan budaya penyelidikan dikalangan guru sekolah: Satu Penilaian. Tesis Ijazah Kedoktoran. Fakulti Pendidikan: UKM

- Kaifi, B. A., Nafei, W. A., Khanfar, N. M., & Kaifi, M. M. (2012). A multi-generational workforce: managing and understanding millennials. *International Journal of Business & Management*, 7(24), 88-93.
- Gay, L. R., & Airasian (2003). *Educational Research: Competencies for Analysis and Applications* (7th ed.). Upper Saddle River, NJ: Merrill/Prentice Hall.
- Hari Prasad Tiwari (2019). Writing Thesis in English Education: Challenges Faced by Students. *Journal of NELTA Gandaki (JoNG)*, I, 45-52 ISSN 2676-104
- Murray, R. (2012). *How to write a thesis*. Buckingham: Open University Press
- Muhammad Zaheer and Saba Muner (2020), Rsearch Supervision in Distance Learning: Issues and Challenges. *Asian Association of Open Universities Journal*.Vol 15.No 1. Emerald Publishing Limited.
- altridge, B. (2002). Thesis and dissertation writing: An examination of published advice and actual practice. *English for Specific Purposes*, 21(2), 125–143
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2019). *Komunikasi dan Multimedia. Buku Maklumat Statistik*.
- Wang, T., & Li, L.Y. (2008). Understanding international postgraduate research students' challenges and pedagogical needs in thesis writing. *International Journal of Pedagogies and Learning*, 4(3), 88-96.
- World Health Organization, 18 September 2020. Coronavirus in Malaysia: The New Normal. <https://www.who.int/malaysia/emergencies/covid-19-in-malaysia/information/the-new-normal>